

**HUBUNGAN ANTARA TAHAP KESELAMATAN DENGAN DISIPLIN DAN
STRES KERJA DALAM KALANGAN PEKERJA INDUSTRI**

NOR HAYATIE BINTI ABDUL HALIM

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JUN 2015

DEDIKASI

Istimewa buat Ayah dan Bonda tercinta

Abdul Halim bin Tayib

Salma bt Yasok

Serta keluarga yang dikasihi

Hisyam, Syuhada, Hafizah, Fareha dan Shahira



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani,

Ya Allah, Engkau Zat Yang Maha Agung, Yang Maha Berkuasa ke atas tiap-tiap sesuatu. Seluruh makhluk dalam genggamanMu dan Engkau yang menentukan tiap-tiap sesuatu. Dengan izinMulah maka projek ini dapat disiapkan serta dengan adanya berkat guru menjadi sebab segala sebab urusan dibantu Allah SWT.

Alhamdulillah, dikesempatan ini saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia projek sarjana saya iaitu, Dr. Azita binti Ali di atas segala bimbingan serta tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau dalam proses menyiapkan projek sarjana ini. Tanpa bimbingan beliau, projek ini tidak mungkin dapat disempunakan dengan baik.

Penghargaan juga saya tujukan kepada kedua ibu bapa saya, Abdul Halim bin Tayib dan Salma binti Yasok serta keluarga yang dikasihi yang telah banyak memberi dorongan dan semangat di sepanjang pengajian saya. Segala jasa dan pengorbanan kalian tidak mampu dibalas dan akan dikenang sehingga ke akhir hayat.

Tidak dilupakan juga kepada teman, sahabat, dan rakan seperjuangan di atas segala bantuan, pertolongan, samada langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan projek ini. Semoga usaha baik kalian dibalas dengan ganjaran yang lebih baik disisiNya.

ABSTRAK

Keselamatan di kawasan kediaman juga merupakan elemen penting dalam menjamin kesejahteraan penduduk di perumahan flat Taman Cendana. Terdapat beberapa masalah keselamatan yang berlaku iaitu dari segi keselamatan individu, keselamatan harta benda dan keselamatan struktur bangunan. Majoriti penduduk di perumahan flat itu adalah terdiri daripada pekerja-pekerja industri. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu, keselamatan harta benda dan keselamatan struktur bangunan dalam kalangan pekerja industri serta mengenalpasti disiplin kerja dan tahap stres dalam kalangan pekerja industri. Kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti hubungan antara tahap keselamatan dengan disiplin kerja dan tahap stres penduduk yang bekerja di industri. Responden yang terpilih terdiri daripada 113 orang penduduk perumahan Taman Cendana yang bekerja di industri. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen analisis borang soal selidik. Data yang dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package of Sosial Science* (SPSS) versi 20.0. Data yang diperolehi daripada soal selidik menggunakan statistik deskriptif iaitu pengiraan min, peratusan dan Ujian Korelasi Pearson. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap keselamatan penduduk di perumahan flat adalah rendah. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap stres penduduk adalah rendah dan tahap disiplin kerja pula adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat permasalahan yang besar terhadap tahap keselamatan pekerja industri di perumahan flat ini. Kajian ini juga dapat memberi pengetahuan kepada penduduk bahawa pekerja industri mengalami tahap stres yang tinggi berikutan kepada beban tugas yang berat.

ABSTRACT

The safety in the residential areas is the most important elements to ensure the well-being of the residents at Taman Cendana. There are some safety issues that happened in the residential area such as individual safety, safety of property and safety of building structures. The majority of residents in the flat residential areas are industrial workers and the safety issues had affected their discipline of work and level of stress among the industrial workers. Therefore, this study was conducted to determine the level of security in terms of individual safety, safety of property and safety of building structures among the industrial workers and to identify the discipline of work and stress level among the industrial workers. This study is also to identify the relationship between the level of safety with the discipline of work and stress levels among the industrial workers. The selected respondents consisted of 113 residents of Taman Cendana who work in the industry area. The study was conducted by using the analysis of questionnaire. The data was collected and analyzed by the *Statistical Package of Sosial Science* (SPSS) software version 20.0. The data obtained from the questionnaire was using the descriptive statistical calculations of mean score, percentages and Pearson Correlation test. The findings showed that the level of safety of residents in the residential flats is low. The findings also show that the stress levels low and the discipline of work is high. This showed that there are no major problems with the the level of safety of industrial workers in this flat residential areas. As a conclusion, this study can also provide knowledge to the residents that industrial workers are experiencing with high levels of stress due to a heavy workload.

KANDUNGAN

TAJUK		i	
PENGAKUAN		ii	
DEDIKASI		iii	
PENGHARGAAN		iv	
ABSTRAK		v	
ABSTRACT		vi	
KANDUNGAN		vii	
SENARAI JADUAL		xii	
SENARAI RAJAH		xiv	
SENARAI SINGKATAN		xv	
SENARAI LAMPIRAN		xvi	
BAB 1	PENDAHULUAN		
	1.1	Pendahuluan	1
	1.2	Latar Belakang Masalah	4
	1.3	Pernyataan Masalah	7
	1.4	Objektif Kajian	9
	1.5	Persoalan Kajian	9
	1.6	Hipotesis Kajian	10
	1.7	Skop Kajian	11
	1.8	Batasan Kajian	12
	1.9	Kepentingan Kajian	12
		1.9.1 Pemaju Perumahan Flat	12
		1.9.2 Majlis Bandaraya Pasir Gudang	12
		1.9.3 Ahli Jawatankuasa Perumahan Flat Taman Cendana	13
		1.9.4 Pekerja Industri Perumahan Taman Cendana	14

1.10	Kerangka Konseptual Kajian	13
1.11	Definisi Operasional dan Istilah	15
1.11.1	Stres Kerja	15
1.11.2	Perumahan Flat Taman Cendana	15
1.11.3	Keselamatan	16
1.11.4	Disiplin Kerja	16
1.12	Rumusan	16
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Perumahan Flat	18
2.3	Keselamatan	19
2.3.1	Keselamatan Individu	21
2.3.2	Keselamatan Harta Benda	22
2.3.3	Keselamatan Struktur Bangunan	24
2.4	Stres	26
2.5	Penilaian Stres Mengikut Gejala Stres	27
2.6	Gejala-Gejala Stres	28
2.7	Disiplin Kerja	29
2.8	Pekerja Industri	31
2.9	Kajian-kajian berkaitan dengan keselamatan dan stres	32
2.10	Rumusan	33
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	34
3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka bentuk Kajian	35
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	35
3.4	Sumber Data	36
3.5	Prosedur Kajian	37
3.6	Instrumen Kajian	39
3.6.1	Pembangunan Borang Soal Selidik	39
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	40
3.7.1	Kesahan	40

3.7.2	Kebolehpercayaan	41
3.8	Kajian Rintis	42
3.9	Kaedah Analisis Data	43
3.9.1	Skor Min	44
3.9.2	Ujian Taburan Normal (Normaliti)	45
3.9.3	Korelasi	49
3.10	Rumusan	50
BAB 4	ANALISIS DATA	51
4.1	Pengenalan	51
4.2	Dapatan Kajian Bahagian A	52
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	52
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Kenderaan	52
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	53
4.2.4	Taburan Responden Mengikut Tempoh Menetap	53
4.3	Persoalan 1 : Apakah tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu dalam kalangan pekerja industri?	54
4.4	Persoalan 2 : Apakah tahap keselamatan dalam aspek keselamatan harta benda dalam kalangan pekerja industri?	55
4.5	Persoalan 3 : Apakah tahap keselamatan dalam aspek keselamatan struktur bangunan dalam kalangan pekerja industri?	57
4.6	Persoalan 4 : Apakah tahap stres dalam kalangan pekerja industri?	58
4.7	Persoalan 5 : Apakah tahap disiplin kerja dalam kalangan pekerja industri?	61
4.8	Persoalan 6 : Adakah terdapat hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu dengan tahap stres dalam kalangan pekerja industri?	62
4.9	Persoalan 7 : Adakah terdapat hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan harta benda dengan tahap stres dalam kalangan pekerja industri?	63

4.10	Persoalan 8 : Adakah terdapat hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan struktur bangunan dengan tahap stres dalam kalangan pekerja industri?	64
4.11	Persoalan 9 : Adakah terdapat hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu dengan tahap disiplin kerja dalam kalangan pekerja industri?	65
4.12	Persoalan 10 : Adakah terdapat hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan harta benda dengan tahap disiplin kerja dalam kalangan pekerja industri?	66
4.13	Persoalan 11 : Adakah terdapat hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan struktur bangunan dengan tahap disiplin kerja dalam kalangan pekerja industri?	67
4.14	Rumusan	68

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN 69

5.1	Pendahuluan	69
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	69
5.2.1	Persoalan 1 : Apakah tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu dalam kalangan pekerja industri?	70
5.2.2	Persoalan 2 : Apakah tahap keselamatan dalam aspek keselamatan harta benda dalam kalangan pekerja industri?	71
5.2.3	Persoalan 3 : Apakah tahap keselamatan dalam aspek keselamatan struktur bangunan dalam kalangan pekerja industri?	72
5.2.4	Persoalan 4 : Apakah tahap stres dalam kalangan pekerja industri?	72
5.2.5	Persoalan 5 : Apakah tahap disiplin kerja dalam kalangan pekerja industri?	73
5.2.6	Persoalan 6 : Adakah terdapat hubungan antara	73

tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu dengan tahap stres dalam kalangan pekerja industri?	
5.2.7 Persoalan 7 : Adakah terdapat hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan harta benda dengan tahap stres dalam kalangan pekerja industri?	74
5.2.8 Persoalan 8 : Adakah terdapat hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan struktur bangunan dengan tahap stres dalam kalangan pekerja industri?	75
5.2.9 Persoalan 9 : Adakah terdapat hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu dengan tahap disiplin kerja dalam kalangan pekerja industri?	75
5.2.10 Persoalan 10 : Adakah terdapat hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan harta benda dengan tahap disiplin kerja dalam kalangan pekerja industri?	76
5.2.11 Persoalan 11 : Adakah terdapat hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan struktur bangunan dengan tahap disiplin kerja dalam kalangan pekerja industri?	77
5.3 Kesimpulan	77
5.4 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	78
5.5 Penutup	79
RUJUKAN	80
LAMPIRAN	87

SENARAI JADUAL

2.1	Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954)	21
2.2	Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954) dalam kajian <i>Macintyre et al.</i> ,(2002)	23
2.3	Jenayah harta benda yang dilaporkan kepada polis mengikut jenis, Malaysia, 1999 – 2004	22
3.1	Pemarkahan item mengikut skala Likert (Konting,2004)	39
3.2	Pembahagian item dalam soal selidik	40
3.3	Jadual Nilai Alpha Cronbach	42
3.4	Nilai Alpha Cronbach	43
3.5	Ringkasan kaedah analisis yang digunakan terhadap persoalan kajian	44
3.6	Tahap Penentuan Skor Min Kajian	45
3.7	Jadual Korelasi	46
3.8	Kekuatan nilai pekali korelasi	50
4.1	Analisis Responden Mengikut Jantina	52
4.2	Analisis Responden Mengikut Kenderaan	53
4.3	Analisis Responden Mengikut Bangsa	53
4.4	Analisis Responden Mengikut Tempoh Menetap	54
4.5	Dapatan Kajian Aspek Keselamatan Individu	54
4.6	Dapatan Kajian dalam Aspek Keselamatan Harta Benda	56
4.7	Dapatan Kajian dalam Aspek Keselamatan Struktur Bangunan	57
4.8	Dapatan Kajian tahap stres dalam kalangan pekerja industri.	58
4.9	Dapatan Kajian tahap disiplin dalam kalangan pekerja industri.	61
4.10	Jadual analisis tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu dengan tahap stres	63
4.11	Jadual analisis tahap keselamatan dalam aspek keselamatan	63

	harta benda dengan tahap stres	
4.12	Jadual analisis tahap keselamatan dalam aspek keselamatan struktur bangunan dengan tahap stres	64
4.13	Jadual analisis tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu dengan tahap disiplin kerja	65
4.14	Jadual analisis tahap keselamatan dalam aspek keselamatan harta benda dengan tahap disiplin kerja	66
4.15	Jadual analisis tahap keselamatan dalam aspek keselamatan struktur bangunan dengan tahap disiplin kerja	67



SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	14
2.1	Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954)	20
3.1	Prosedur Kajian	38
3.2	Perbandingan data yang normal dan tidak normal	45
3.3	Graf Histogram Data Kajian Aspek Keselamatan Individu	47
3.4	Graf Histogram Data Kajian Aspek Keselamatan Harta Benda	47
3.5	Graf Histogram Data Kajian Aspek Keselamatan Struktur Bangunan	48
3.6	Graf Histogram Data Kajian Disiplin Kerja	48
3.7	Graf Histogram Data Kajian Stres	49



SENARAI SINGKATAN

- SPSS - *Statistical Package for Social Sciences*
DEB - Dasar Ekonomi Baru
DRN - Dasar Perumahan Negara
KPKT - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
UTHM - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
PAKR - Perumahan Awam Kos Rendah
PRMM - Perumahan Rakyat Mampu Milik



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

A	Borang Soal Selidik	87
B	Borang Pengesahan Soal Selidik	96
C	Kajian Rintis	107
D	Kajian Sebenar	109
E	Krejie dan Morga	121
F	Carta Gant	124



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Keselamatan di kawasan kediaman juga merupakan elemen penting dalam menjamin kesejahteraan penduduk. Menurut Abdullah (2011), keselamatan bermaksud sesuatu keadaan yang terpelihara atau terhindar daripada bahaya, bencana atau gangguan yang boleh menyebabkan berlakunya kemalangan manakala dari konteks keselamatan bangunan pula, ia merangkumi rumah yang selamat dari segi rekabentuk, jiran tetangga yang terjamin dan persekitaran dalaman yang teratur. Ia juga mencakupi rumah yang berkemampuan untuk menyediakan peluang bersendirian, bersosialisasi dan privasi serta terletak dalam lingkungan masyarakat dan tidak tersisih agar isirumah boleh berfungsi dalam institusi masyarakat (Sukimin, 2008). Selain itu, bangunan selamat juga bermaksud pembinaan persekitaran yang melindungi penghuninya secara menyeluruh dari segi fizikal atau psikologi yang bertujuan untuk mengurangkan kadar kecederaan dan kematian (Yau *et al.*, 2008).

Perumahan flat atau blok bangunan flat juga dikenali sebagai rumah bertingkat. Rumah bertingkat merupakan rumah yang dibina pada suatu tanah tertentu dengan bilik yang berlapis secara menegak. Secara kasar boleh dikatakan atau ditafsirkan dengan menumpukan rumah di atas rumah yang lain (Sardjono, 2007). Selain itu, rumah adalah sebagai bangunan untuk kediaman manusia. Seperti yang kita semua tahu, rumah merupakan perkara asas yang diperlukan oleh setiap individu. Menurut Mokhtar (2008), sesebuah rumah boleh ditakrifkan sebagai

pembangunan fizikal yang memberi tempat berlindung atau tempat berteduh bagi penggunanya.

Perumahan juga berkait rapat dengan sosio ekonomi, politik, kejuruan dan persekitaran (Bourne, 1981). Dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB), satu keluarga perlu memiliki sebuah rumah. Selain itu, dalam strategi pembangunan Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9) adalah dimana memastikan kesejahteraan rakyat dipertingkatkan dengan peningkatan kualiti kehidupan di kawasan perumahan terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu, pihak Kerajaan Persekutuan menyalurkan pinjaman kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program perumahan kos rendah. Kerajaan telah menggariskan dasar untuk menyediakan kediaman yang sesuai, mampu dimiliki dan berkualiti kepada rakyat bagi semua tingkat pendapatan terutamanya golongan berpendapatan rendah (Dasar Perumahan Negara, 2013). Perumahan sempurna akan memberi kesan positif manakala perumahan yang tidak sempurna akan memberi kesan yang negatif kepada kehidupan, kerana perumahan merupakan faktor penting yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup secara keseluruhannya (Vera-Toscano dan Esperanza, 2008).

Stres merupakan suatu perkara biasa yang perlu di hadapi oleh setiap individu tidak kira tua atau muda. Walaubagaimanapun, individu sebegini perlu bijak dalam menangani masalah stres ini supaya ia tidak membawa kepada kesan yang negatif, contohnya seperti bunuh diri dan kemurungan. Stres atau tekanan berasal daripada perkataan Greek yang bermaksud *stringere* yang membawa maksud 'ketat' atau 'tegang'. Selain itu, Musa (2003) ada menyatakan bahawa stres merupakan satu gangguan emosi atau ancaman perasaan. Ini kerana stres yang tidak diatasi dengan baik akan mendorong kepada perkara yang tidak diinginkan.

Menurut Jamsiah *et al.*, (2010) menyatakan bahawa stres juga boleh membawa kepada kesan yang berbeza terhadap individu, keluarga dan masyarakat iaitu kesan positif dan juga kesan yang negatif kepada individu. Kesan positif adalah apabila seseorang itu lebih bersemangat dalam melakukan sesuatu tugas dan seterusnya dapat meningkatkan produktiviti dan lebih bijak mengendalikan stres pada masa hadapan. Dari segi kesan negatif pula menyebabkan individu berdepan dengan kebimbangan, kemurungan, tahap kesihatan yang tidak baik, dan perubahan sikap individu. Oleh itu, stres boleh berlaku di kalangan penduduk perumahan juga boleh berlaku sama ada tekanan terhadap masalah sosial, jiran tetangga atau kawasan sekitar.

Walaupun bagaimanapun, stres terhadap keselamatan juga mendorong kepada disiplin kerja penduduk di tempat kerja. Disiplin memainkan peranan penting dalam meningkatkan sahsiah seseorang. Waji (2009) menyatakan bahawa disiplin berasal dari bahasa latin *Discere* yang bermaksud belajar. Perkataan ini menimbulkan perkataan *Disciplina* yang bermaksud pengajaran atau pelatihan. Menurut Heidjrachman dan Husnan (2002) menyatakan bahawa disiplin adalah seorang atau sekelompok yang patuh terhadap perintah dan berinisiatif untuk melakukan suatu tindakan yang diperlukan. Disiplin adalah berkaitan dengan tatatertib, tatasusila, kesopanan dan akhlak (Yahaya *et al.*, 2007). Selain itu, Dr. James Ang Jit Eng (2011) menyatakan disiplin adalah bentuk kawalan sosial yang mewujudkan suasana tenteram dan baik dalam masyarakat mahupun di sekolah. Kerja atau kerjaya pula membawa maksud setiap usaha (dibayar atau tidak dibayar) yang kita tunaikan untuk membuat dunia menjadi tempat yang lebih baik, makin mendekati cara Allah mengupayakan segala sesuatu (Widyamartaya, 2001). Menurut Landy dan Conte (2004) pula, pekerjaan amat penting bagi manusia dewasa.

Kebiasaannya terdapat ramai pekerja industri atau pekerja swasta yang menetap di perumahan flat jika dibandingkan dengan penduduk yang bekerja kerajaan. Ini dapat dibuktikan dalam kajian Embong *et al.*, (2011) yang menyatakan bahawa perumahan kos rendah di Kuala Lumpur adalah terdiri daripada buruh kilang, pengawal keselamatan, kerani, pengendali mesin cetak, pemandu lori dan lain- lain lagi. Selain itu, Menurut Ismail (2000) menjelaskan bahawa dalam mana-mana organisasi, baik organisasi awam atau swasta, golongan pekerja yang kerap mengalami stres dan sering terdedah dengan punca-punca stres ialah golongan pekerja yang bekerja di peringkat bawahan seperti pekerja di industri. Mereka yang berada di posisi ini adalah golongan pekerja yang sentiasa terikat dengan kerja yang memerlukan komitmen dan tumpuan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Di Malaysia, terdapat banyak pembinaan rumah kos rendah telah dijalankan bagi memenuhi keperluan masyarakat yang pelbagai. Menurut kenyataan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin dalam perutusan Dasar Perumahan Negara (2013) menyatakan bahawa 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, adalah menjadi harapan kerajaan membantu golongan yang kurang bernasib baik dan kurang mampu untuk memiliki tempat tinggal yang selesa. Ini selari dengan peningkatan pembinaan rumah kos rendah dalam membantu masyarakat memiliki atau menyewa rumah yang lebih selesa dan berkualiti. Ini dapat dibuktikan oleh Abdul Air (2005) yang menyatakan bahawa kualiti perumahan sebagaimana yang disebutkan dalam Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejangat seharusnya selesa, mesra, indah, berkualiti dan beridentiti, mencukupi dan mampu dimiliki, bersih dan harmoni, lengkap dan selamat.

Di Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menggariskan empat aspek utama berkenaan piawaian dalam memenuhi keperluan konsep perumahan yang sebenar iaitu menjamin keselamatan individu dan harta benda; kemudahan prasarana; kesihatan fizikal dan mental; serta kesihatan masyarakat (Yusof, 2012). Kawasan perumahan, blok bangunan flat dan rumah teres adalah dikategorikan sebagai rumah kos rendah. Pada masa kini, terdapat banyak isu permasalahan rumah kos rendah yang dihadapi oleh penduduk. Blok bangunan flat adalah antara rumah kos rendah yang kerap berlaku masalah. Antara masalah yang dihadapi adalah yang berkaitan dengan keselesaan, kebersihan, dan keselamatan perumahan flat.

Pemaju perumahan perlu menitikberatkan keselesaan penduduk dari segi kualiti pembinaan bangunan, keselesaan rekabentuk dan persekitaran. Aspek-aspek ini harus diambil kira supaya pembangunan rumah kos rendah akan lebih berkesan dan efisien (Alias, 2010). Walaubagaimanapun, menurut Mohd Jan (2010), keselesaan yang dialami oleh penghuni di perumahan kos rendah adalah rendah. Ini kerana saiz rumah yang kecil biasanya didiami oleh bilangan keluarga yang besar. Ini selari dengan Yusof (2012) yang menyatakan bahawa perumahan sempurna akan memberi kesan positif manakala perumahan yang tidak sempurna akan memberi

kesan yang negatif kepada kehidupan, kerana perumahan merupakan faktor penting yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup secara keseluruhannya.

Menurut Dasar Alam Sekitar Negara yang digubal dan dikuatkuasakan adalah untuk memelihara dan melindungi alam sekitar supaya sentiasa dalam keadaan bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan (Portal Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar,). Ini menunjukkan bahawa setiap individu perlu menjaga kebersihan alam sekitar supaya dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Walaubagaimanapun, bagi penduduk perumahan flat pula, terdapat segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan kawasan mereka kerana kebanyakan penghuni-penghuni blok bangunan flat berhadapan dengan masalah kebersihan iaitu kebersihan dari segi perparitan, perpaipan dan kebersihan sampah sarap. Menurut Abdullah (2010) menyatakan bahawa banyak penyakit adalah berpunca daripada alam sekitar yang tercemar. Ini jelas menunjukkan bahawa kawasan sekeliling yang tidak bersih akan mendorong kepada penyakit yang merbahaya.

Pada masa kini, terdapat banyak kes jenayah yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa. Contohnya seperti kes penculikan kanak-kanak. Keratan akhbar Bernama.com bertarikh pada 24 Disember 2011 ada melaporkan bahawa terdapat seorang wanita ditahan reman kerana disyaki suspek dalam kes penculikan dan penderaan dua kanak-kanak yang dilaporkan hilang ketika sedang bermain di kawasan rumah di flat Jalan Padang Tembak, Air Itam. Ini jelas membuktikan bahawa kanak-kanak yang bermain di kawasan perumahan flat mempunyai kemungkinan yang besar untuk berhadapan dengan penjenayah.

Sejak tahun 1970-an kes jenayah keganasan dan harta benda telah menghiasi dada-dada akhbar, media elektronik dan menjadi bualan masyarakat. (Mustaffa, 2007). Keselamatan harta benda ini perlu dititikberatkan kerana ia melibatkan kerugian yang banyak. Melalui keratan artikel daripada Tranung Kita Online ada menyatakan beberapa aduan atau luahan penduduk di kawasan perumahan flat dimana mereka berdepan dengan kes kecurian yang kerap berlaku di kawasan mereka. Walaubagaimanapun, masalah keselamatan harta benda ini boleh dikurangkan melalui rukun tetangga, rondaan oleh penduduk sendiri dan aktiviti gotong royong. Menurut Zainudin dan Abdul Malek (2010), kepentingan aspek keselamatan ini juga sebenarnya telah diberi penekanan sebelumnya oleh Maslow (1954) yang telah meletakkannya sebagai ukuran kedua selepas keperluan fisiologi

sebagai syarat untuk mencapai kualiti hidup yang baik. Ini menunjukkan bahawa aspek keselamatan penting dalam menentukan kualiti hidup mereka.

Seterusnya adalah berkaitan dengan keselamatan infrastuktur bangunan dimana menurut Yau *et al.*, (2008) menyatakan bahawa “Bangunan Selamat” bermaksud pembinaan persekitaran yang melindungi penghuninya secara menyeluruh dari segi fizikal atau psikologi yang bertujuan untuk mengurangkan kadar kecederaan dan kematian. Oleh itu, ia dapat menggalakan perkembangan positif daripada penduduk. Ini menunjukkan bahawa keselamatan struktur bangunan yang tidak baik akan mewujudkan kebimbangan dalam kalangan penduduk flat. Menurut keratan artikel daripada Jaringan Rakyat Tertindas ada menyatakan bahawa Penduduk Flat Taman Permata berdepan dengan beberapa masalah iaitu bangunan retak, lubang di bawah blok, gas paip, sistem perparitan, kebersihan dan sistem kumbahan. Ini menunjukkan dimana penduduk di flat ini berdepan dengan masalah keselamatan struktur bangunan yang tidak baik sehingga menimbulkan ketidakselesaan penduduk. Dalam keratan akhbar Utusan Malaysia yang bertarikh 15 Januari 2001 melaporkan bahawa gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) telah meminta Kementerian Tempatan supaya mengkaji semula reka bentuk dan meningkatkan ciri-ciri keselamatan rumah kediaman terutamanya jenis flat pangsapuri. Ini adalah penting untuk mengelakkan sesuatu yang tidak diinginkan berlaku.

Masalah keselamatan yang berlaku di kawasan perumahan memberi kesan terhadap disiplin kerja dalam kalangan penduduk. Menurut Zainuddin *et al.*, (2008) tekanan merupakan sebahagian daripada kehidupan setiap keluarga. Dalam kajian Ismail *et al.*, (2008) menyatakan bahawa pekerja bermasalah dalam kedatangan kerja, tidak menepati masa, kesilapan ketika membuat kerja, tidak berada di tempat kerja dan mengganggu pekerja lain. Dalam Conger *et al.*, (2000) ada menjelaskan tentang kesan tekanan dimana salah satu tekanan tersebut adalah kekurangan yang terdapat di tempat kediaman mempengaruhi tahap stres sesebuah keluarga. Ini jelas menunjukkan bahawa masalah keselamatan keluarga mempengaruhi tahap disiplin penduduk di tempat kerja. Menurut Mustafa (2007) menjelaskan bahawa tekanan berlebihan boleh menjejaskan prestasi kerja dan kesihatan.

Walaupun, penduduk yang bekerja di industri menghadapi tahap stres yang tinggi. Ini selari dengan Shivaram *et al.*, (2012) yang menjelaskan bahawa pekerja-pekerja industri terdedah kepada tekanan dan ketegangan kerana

sifat kerja mereka yang sukar. Pekerja yang menghadapi stres akan mengalami beberapa gejala. Gejala mental seperti berasa hilang kawalan, risau dan bimbang, gagal menumpukan perhatian atau membuat keputusan, perubahan perasaan atau fikiran seperti kemurungan, kekecewaan, sikap bermusuhan, rasa tidak berdaya dan kegelisahan. Stres yang disebabkan oleh pekerjaan akan menimbulkan masalah seperti ponteng (Mustafa, 2007). Selain itu, mana-mana organisasi, baik organisasi awam atau swasta, golongan pekerja yang kerap mengalami stres dan sering terdedah dengan punca-punca stres ialah golongan pekerja yang bekerja di peringkat bawahan seperti pekerja di industri (Ismail, 2000).

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu, harta benda dan struktur bangunan dengan disiplin kerja dan stres dalam kalangan pekerja industri.

1.3 Pernyataan Masalah

Isu penduduk di perumahan flat yang sering dihadapi adalah dari aspek keselamatan individu, harta benda dan infrastruktur bangunan. Ini adalah selari dengan masalah yang dihadapi oleh penduduk perumahan di Taman Cendana. Dari aspek keselamatan individu yang berkait rapat dengan keselamatan kanak-kanak dimana kanak-kanak berhadapan dengan beberapa situasi contohnya kes penculikan dan kemalangan jalan raya. Dalam akhbar Bernama.com bertarikh 24 Disember 2011 ada melaporkan tentang penculikan dan penderaan kanak-kanak yang berlaku di kawasan perumahan flat. Kecuaian ibu bapa dengan tidak memantau pergerakan anak – anak mereka akan mendorong anak-anak untuk mengikuti orang yang mereka tidak kenali. Keselamatan individu juga melibatkan keselamatan penduduk setempat yang melalui lorong yang gelap dan berisiko untuk berdepan dengan penjenayah. Seterusnya dari aspek keselamatan harta benda, penduduk mengalami masalah kecurian yang kerap berlaku lebih – lebih lagi pada musim perayaan dan musim cuti persekolahan. Kamalruddin (2006) mendedahkan bahawa kebanyakan kes jenayah yang melibatkan harta benda masih mengalami peningkatan kadar walaupun Program Bandar Selamat telah dilaksanakan.

Kebiasaannya, penduduk mengalami kecurian pakaian, duit, kereta, dan motosikal yang dilakukan oleh penduduk di kawasan itu sendiri yang berdepan

dengan masalah kemiskinan dan juga golongan muda yang tidak bermoral. Terdapat juga penduduk yang berdepan dengan masalah dimana cermin kenderaan mereka dipecahkan oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Dalam statistik jenayah harta benda (Polis Diraja Malaysia, 2005) menunjukkan bahawa kecurian kenderaan merupakan jenayah harta benda tertinggi dilaporkan. Oleh itu, penduduk terpaksa menanggung kerugian yang banyak. Ini dapat dibuktikan oleh Mustaffa (2007) menyatakan bahawa kes jenayah keganasan dan harta benda telah menghiasi dada-dada akhbar, media elektronik dan menjadi bualan masyarakat. Selain itu, masalah yang dihadapi dari aspek keselamatan struktur bangunan pula adalah dimana penduduk terpaksa berdepan dengan masalah keretakan pada bangunan. Ini dapat dibuktikan melalui keratan artikel daripada Jaringan Rakyat Tertindas ada menyatakan bahawa Penduduk Flat Taman Permata berdepan dengan beberapa masalah iaitu bangunan retak, lubang di bawah blok, gas paip, sistem perparitan, kebersihan dan sistem kumbahan. Oleh yang demikian, masalah ini memerlukan jangka masa yang panjang untuk diselesaikan kerana ia melibatkan sebuah bangunan dan memerlukan kos yang tinggi.

Masalah-masalah keselamatan ini telah memberi kesan kepada pekerja industri yang menetap di perumahan Taman Cendana ini iaitu dari segi disiplin kerja mereka dimana mereka akan berdepan dengan pelbagai implikasi yang negatif dan sekaligus disiplin kerja mereka menurun. Pekerja-pekerja industri terdedah kepada tekanan dan ketegangan kerana sifat kerja mereka yang sukar (Shivaram *et al.*, 2012). Berdasarkan masalah yang dikaji di atas, pengkaji ingin mengkaji tahap keselamatan penduduk dan hubungan antara tahap keselamatan dengan disiplin kerja dan stres di kalangan pekerja industri di flat Taman Cendana. Justeru itu, tahap keselamatan amat penting untuk dikaji untuk menjamin kesejahteraan dan kesejahteraan penduduk.

1.4 Objektif Kajian

- 1) Menenalpasti tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu, keselamatan harta benda dan keselamatan struktur bangunan dalam kalangan pekerja industri.
- 2) Menenalpasti tahap stres dalam kalangan pekerja industri.
- 3) Menenalpasti tahap disiplin kerja dalam kalangan pekerja industri.
- 4) Menenalpasti hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu dengan tahap stres dalam kalangan pekerja industri.
- 5) Menenalpasti hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan harta benda dengan tahap stres dalam kalangan pekerja industri.
- 6) Menenalpasti hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan struktur bangunan dengan tahap stres dalam kalangan pekerja industri.
- 7) Menenalpasti hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu dengan tahap disiplin kerja dalam kalangan pekerja industri.
- 8) Menenalpasti hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan harta benda dengan tahap disiplin kerja dalam kalangan pekerja industri.
- 9) Menenalpasti hubungan antara tahap keselamatan dalam aspek keselamatan struktur bangunan dengan tahap disiplin kerja dalam kalangan pekerja industri.

1.5 Persoalan Kajian

Di dalam kajian ini, persoalan-persoalan yang ingin dikupas adalah :

- 1) Apakah tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu dalam kalangan pekerja industri?
- 2) Apakah tahap keselamatan dalam aspek keselamatan harta benda dalam kalangan pekerja industri?
- 3) Apakah tahap keselamatan dalam aspek keselamatan struktur bangunan dalam kalangan pekerja industri?
- 4) Apakah tahap stres dalam kalangan pekerja industri?

RUJUKAN

- Abd Kadir, H. (2005). *Pekerja Industri : Isu dan Teknik Penyelesaian*. Dicapai pada 5 April 2015,
https://books.google.com.my/books?id=DoZ_hmutuxYC&pg=PP5&lpg=PP5&dq=ciri-ciri+pekerja+industri&source=bl&ots=kvPEIRlj_H&sig=t-kp60G87dFjfHzmkoRfIK8k_cQ&hl=en&sa=X&ei=dYxgVYSzD46huQSd6oHQAw&redir_esc=y#v=onepage&q=ciri-ciri%20pekerja%20industri&f=false
- Abdul Air, I. (2005). *Kadar Ketersediaan Tanah untuk Pembangunan Perumahan di Kawasan Bandar Menurut Rancangan Tempatan Daerah: Keberkesanannya dari Perspektif Pemaju*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abdul Ghafar, M. N. (1999). *Peyelidikan Pendidikan*. Skudai. Fakulti Pendidikan, UTM.
- Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Jalal, B. & Ismail, I. (2010). *Pengurusan Stres Secara Holistik*. Kementerian Kewangan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, A. A. L. (2011). *Pengurusan Keselamatan Menyeluruh Di Tapak Bina*. Fakulti Kejuruteraan Awam. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah, H.A., Pawanteh, L., Syed Abdullah, S.M., & Mustaffa, N. (2010). Kesedaran dan Sikap Komuniti dalam Pengurusan Persekitaran Di Wilayah Iskandar, Johor. *Jurnal Melayu*. 2010. 5: 71-86.
- Abrams, Charles. (1964). *Man's Struggle for Shelter In An Urbanizing World*. London : Cambridge.
- Abu Bakar, A. (2002). *Psikologi Personaliti Individu*. Shah Alam. Karisma Publications Sdn. Bhd.

- Ahmad, R. & Mustaffa, M.S. (2002).Keperluan Kaunseling dalam Organisasi pada Alaf 21. Dicapai pada 5 April 2015:
http://www.academia.edu/1842170/KEPERLUAN_KAUNSELING_DALAM_ORGANISASI_DI_ALAF_21
- Alias, L. J. (2010). *Kepuasan Penghuni Terhadap Kawasan Kejiranan Yang Didiami Di Kawasan Perumahan Kos Rendah 1 Tingkat, Taman Universiti, Skudai, Johor Darul Takzim*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Azmi, I. B. & Ahmad, W. S. (2008). *Pengaruh Sikap dan Demografi ke atas Produktiviti Kerja Pensyarah Muslim: Lakian di Universiti Malaya*. Jurnal Syariah, 16(2), 321-344.
- Bourne, L. S. (1981). *The Geography of Housing*. New York: Edward Arnold.
- Bujang, A. A. (2010). *Role of Local Authority in Providing Quality Housing for Lower Income Group in Kuala Lumpur City Hall*. Dicapai pada 20 Januari 2015 : <http://teknologimalaysia.academia.edu>
- Che Ibrahim, N. A. (2005). *Kajian Terhadap Projek Perumahan Di Kelantan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Chua, Y. P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Edisi ke-2. Malaysia. McGraw Hill Sdn. Bhd.
- Cooper, D. R. & Schindler, P. S. (2006). *Business Research Methods(9th edition)*. USA: McGraw-Hill.
- Dasar Perumahan Negara. (2012). Jabatan Perumahan Negara. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dicapai pada 30 Disember 2014, http://www.kpkt.gov.my/kpkt_2013/fileupload/dasar/DRN_BM.pdf
- Dr. James Ang Jit Eng. (2011). *Pengurusan Disiplin Murid Edisi Kedua*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., Selangor.
- Effendi, M. (2001). Stres Akibat Kerja Yang Dihadapi Oleh Guru. *Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*. 2001. 43:1-9.
- Embong, A.R., Abdullah, H., Abdul Samad, R., Abdul Hadi, A.S., Shari, I. & Woon, T.K. (2011). *Pemandaran di Kalangan Kelas Bawah di Kuala Lumpur*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Jabatan Antropologi dan Sosiologi dan Jabatan Geografi dari Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan dan Jabatan Ekonomi Pembangunan dan Perancangan dan Jabatan Perangkaan dan Analisa Kuantitatif dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan.
- Gujarati, Damodar. 2006. *Dasar-Dasar Ekonometrika*. Jakarta: Erlangga.

- Hasibuan, M. S.P. (2012). *Manajemen Sumber Daya Manusia*. Edisi Revisi. Cetakan Keenam Belas. Jakarta: PT. Bumi Aksara.
- Heidjrachman, R. & Husnan, S. (2002). *Manajemen Personalia*. Yogyakarta: BPFE
- Ho, D. C.-W., Chau, K.-W., King-Chung Cheung, A., Yau, Y., Wong, S.-K., Leung, H.-F., Siu-Yu Lau, S., *et. al.*, (2008). *A survey of the health and safety conditions of apartment buildings in Hong Kong*. *Building and Environment*, 43(5), 764-775. doi:10.1016/j.buildenv.2007.01.035
- Info Pilihan Siri 4.(2005). *Departments Of Statistics Malaysia*. Dicapai pada 20 November 2014 dari http://statistics.gov.my/portal/download_Labour/files/BPTMS/PST-Siri4.pdf
- Ismail, N. (2000). *Stres dan mekanisme daya tindak di kalangan operator pengeluaran : Satu Kajian di Omron Malaysia Sdn. Bhd*. Universiti Malaya. Tesis : Sarjana.
- Jamsiah, M., Rosnah, S., & Noor Hassim, I. (2010). *Stres dalam kalangan penduduk dewasa luar bandar, daerah Hulu Langat, Selangor*. *Jurnal Kesihatan Masyarakat*, 16 (1). pp. 2-9. ISSN 1675-1663.
- John Wiley and Sons, Inc .(1991). *Regression Analysis By Example (2nd edition)*. A Wiley –Interscience Publication
- Kamalruddin, S. (2006). *Pencapaian pelaksanaan program Bandaraya Shah Alam*. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Pengurusan Bandar 2006. Anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam. Subang Jaya, 4-5 September.
- Konting, M. M. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R.V. dan D.W. Morgan. (1970). *Determining Size for Research Activities*. Educational and Psychological.
- Laman Web Khas Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dicapai pada 5 November 2014 di <http://kklw.bernama.com/news.php?id=464271>
- Landy, F. J., & Conte, J. M. (2004). *Work in 21st Century. An Introduction to Individual and Organizational Psychology*. New York: McGraw Hill.
- Lawrence, R. J. (2004). *Housing, health and well-being: Moving forward*. *Reviews on Environmental Health*, 19(3/4), 161–176
- Leila, G (2002). *Stres dan Kepuasan Kerja*. Sumatera :Universitas Sumatera Utara.

- Md Sakip, S.R., Abdullah,A., & Mohd Salleh, M. N. (2013). *Fear of Crime in Residential Areas Faculty of Architecture, Planning & Surveying, University Technology Mara Perak, Malaysia*. 3 School of Housing, Building & Planning. University Science of Malaysia, Malaysia.
- Meyer, J.P., Becker, T.E. & Vandenberghe, C. (2004). *Employee Commitment And Motivation : A Conceptual Analysis And Integrative Model*. Journal of Applied Psychology. 89(6): 991-1007.
- Mohamed, N.H. (2004).*Pembinaan E-Modul Mata Pelajaran Hidrologi : Kajian Di Politeknik Shah Alam*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Mohd Jan, R. (2010). *Rumah Kos Rendah (Council Homes) Dalam Membantu Meningkatkan Tahap Kualiti Hidup Masyarakat. Kajian Kes: Perumahan Rakyat MPSJ*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Mokhtar, R. (2008). *Persepsi Penghuni Terhadap Keselesaan di Kawasan Perumahan Kos Rendah Awam dan Swasta Kajian Kes: Perumahan Awam Kos Rendah Taman Cendana dan Taman Scientex, Pasir Gudang*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis : Projek Sarjana Muda.
- Musa, M. M. (2003). *Tekanan dan Psikologi*. Universiti Utara Malaysia.
- Mustafa, S.A.(2007). *Aplikasi Ergonomik Dalam Sistem Kerja Untuk Kesejahteraan Motivasi Pekerja Menggunakan Terminal Paparan Visual*. . Universiti Sains Malaysia.Tesis :Master.
- Mustaffa, J. (2007). *Aspek Keselamatan Awam Dalam Pembentukan Bandar Selamat Di Malaysia: Kajian Kes Alor Star, Kedah*. Universiti Sains Malaysia.Tesis Ph.D.
- Nasution, M. (2000). *Manajemen Personalia*. Jakarta : Djambatan
- Official Portal of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (2009). Dicapai pada 1 Disember 2014 di <http://www.uthm.edu.my/v2/content/view/1398/251/lang,en/>.
- Portal Rasmi Majlis Bandaraya Ipoh. Dicapai pada 22 Oktober 2014 (Rabu) di <http://www.mbi.gov.my/web/guest/fungsi>.
- Ramli, A., Akasah, Z. A., & Mohd Masirin, M. I. (2013). *Assessing Safety and Health Factors Influecing Performance of Malaysian Low-Cost Housing*.

- Faculty of Civil and Environmental Engineering. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
- Renauer, B. C. (2007). *Reducing Fear of Crime: Citizen, Police or Government Responsibility?*. Journal Police Quarterly, 10(1), 41-62.
- Rivai, V. (2004). *Manajemen Sumber Daya Manusia Untuk Perusahaan*. Cetakan Pertama. PT. Raja Grafindo. Jakarta
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosial. Edisi Pertama Petaling Jaya*: Prentice Hall Pearson Malaysia.
- Salleh, M. R. (2010). *Pengendalian Stres dan Kebimbangan (Penilaian Kognitif dan Tingkah Laku)*. Dicapai pada 2 Mac 2015,
https://books.google.com.my/books?id=VhhABAAAQBAJ&pg=PT49&dq=PENILAIAN+STRES+PEKERJAAN&hl=en&sa=X&ei=FTVgVdKNJZCJuASnnoHYBQ&redir_esc=y#v=onepage&q=PENILAIAN%20STRES%20PEKERJAAN&f=false
- Sardjono, A. B. (2007). *Anika Desain Rumah Bertingkat*.
- Sastrohadiwiryo B.S. (2001). *Manajemen Tenaga Kerja Indonesia*. Pendekatan Administratif dan Operasional. Bandung: PT. Bumi Aksara.
- Sekaran, U. (2006). *Research methods for business: A skill building approach*. Wiley.com.
- Sidang Pengarang. (2000). *Tekanan dan Cara Mengendalikannya Dengan Berkesan*. Skudai Post: Universiti Teknologi Malaysia, Skudai (Januari).
- Sidek, H. (2011). *Pelaksanaan Program Bandar Selamat Di Kuala Lumpur*. College of Business, Universiti Utara Malaysia.
- Sipon, S. (2010). *Pengurusan Stres*. Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- Sukimin, S. (2008). *Persepsi Terhadap Kualiti Dan Kepuasan Perumahan Dalam Kalangan Pemilik Rumah Kos Rendah Di Kota Kinabalu Sabah Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Sutrisno, E. (2011). *Manajemen Sumber Daya Manusia*. Cetakan Ketiga. Jakarta: Kencana Prenada Media Group
- Tety, A. (2006). *Pengaruh Pengawasan terhadap Disiplin Kerja pada Kantor Badan Kepegawaian Daerah Kabupaten Brebes*. Skripsi Jurusan Ekonomi Universitas Negeri Semarang.

- Udin, Y. (2006). *Pendekatan Pasukan Polis dalam Pencegahan Jenayah Bandar. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Pengurusan Bandar 2006*. Anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam. Subang Jaya, 4-5 September.
- Utah, R. (2013). *IBM SPSS Statistics For Window*. Pejabat Teknologi Maklumat. Universiti Teknologi Mara (UiTM).
- Utusan Malaysia (15 Januari 2001). Perumahan Negara Mampu Milik di capai pada 15 Disember 2014 di <http://aplikasi.kpkt.gov.my/akhbar.nsf/521fb206a8dbd0a34825697400224def/abcf2053061cb794482569ff0003e581?OpenDocument>.
- Utusan Online Johor (2010). Dicapai pada 1 Disember 2014 di http://warga-felda.blogspot.com/2014/06/utusan-online-johor_3.html.
- Vera-Toscano & Esperanza. (2004). *The impact of chilean fruit sector development on female employment and household income*.
- Waji, S. (2009). *Pengertian Kedisiplinan*. Dicapai pada 20 Mac 2015 di <http://starawaji.wordpress.com/2009/04/19/pengertian-kedisiplinan>.
- Widyamartaya, A. (2001). *Spirituality@work: 10 ways to balance your life on the job*. Edisi bahasa Indonesia.
- Wiersma, W. (2005). *Research Methods In Education: An Introduction*. Boston: Allyn and Bacon.
- Yahaya, A., Hashim, S., Ramli, J., Boon, Y., & Hamdan, A.R. *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. 1st Ed. Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Yahaya, A., Ramli, J. & Karuppaya, K. S. (2007). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kemerosotan Disiplin Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Johor. Universiti Teknologi Malaysia.
- Yau, Y., Wing .D.C & Chau. K. W .(2008). *Determinants of the Safety Performance of Private Multi-storey Residential Buildings in Hong Kong*. Department of Public and Social Administratio. City University of Hong Kong, Tat Chee Avenue, Kowloon Tong, Kowloon, Hong Kong SAR, People's Republic of China.
- Yusof, M. (2012). *Kepuasan penduduk program perumahan rakyat terhadap kualiti perumahan : kajian kes : projek perumahan rakyat Sri Iskandar, Pasir Pelangi, Johor Baharu dan projek perumahan rakyat desa Mutiara, Tebrau, Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia.

Zainuddin, S., Md Salleh, A. & Syed Mansor, S. M. (2008). *Ciri-Ciri Tekanan Dan Kaedah Pengurusan Tekanan Dalam Keluarga*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Zainudin, A. Z. & Abdul Malek, J. (2010). *Keberkesanan Program Bandar Selamat Dari Persepsi Penduduk Kajian Kes :Bandaraya Shah Alam*. Jabatan Pentadbiran Tanah, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia & Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.

